

**KESESUAIAN KAWASAN TUKUN (UNJAM) DI PERAIRAN PANTAI
KUALA TERENGGANU UNTUK PERIKANAN REKREASI**

SALLAHUDIN B. YUSOF

**FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI
UNIVERSITI KOLEJ
(UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA)
TERENGGANU**

1997

**KESESUAIAN KAWASAN TUKUN (UNJAM) DI PERAIRAN
PANTAI KUALA TERENGGANU UNTUK PERIKANAN REKREASI**

Oleh
SALLAHUDIN B. YUSOF

Laporan Projek ini merupakan sebahagian daripada keperluan
untuk mendapatkan Ijazah Bacelor Sains Perikanan

FAKULTI SAINS GUNAAN DAN TEKNOLOGI

UNIVERSITI KOLEJ

(UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA)

TERENGGANU

1997

1100024026

TERIMA KASIH

... dan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam pelaksanaan kegiatan ini...

... dan semoga kegiatan ini dapat memberikan manfaat yang banyak bagi semua pihak...

Untuk Ayah dan Ibu tersayang

Untuk keluarga dan teman yang banyak memberi Sokongan

Kejayaan ini juga adalah kejayaan anda semua

Ucapan terimakasih yang tak terhingga

kepada kalian semua... ..

... dan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu dalam pelaksanaan kegiatan ini...

PENGHARGAAN

Bersyukur saya kehadiran Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnianya dapatlah saya menyiapkan laporan projek ini dimana ianya merupakan satu syarat yang perlu dipenuhi untuk mendapatkan ijazah pertama.

Selanjutnya saya mengucapkan berbanyak terimakasih kepada penyelia saya, Tuan Haji Umar Saleh atas tunjuk ajar, nasihat serta usaha beliau dalam kerja-kerja menyiapkan projek ini.

Seterusnya saya mengucapkan berbanyak terimakasih kepada pihak SEAFDEC, dan juga LKIM khususnya Timbalan Pengarah, En. Mohd Zaid serta kakitangannya En. Zawahid, En. Ahmad dan En. Nik serta tidak ketinggalan Cik Marina, En. Amir, Kak Nita, En. Mohd Tarmizi, Pak Hamzah dan kepada sesiapa sahaja yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung.

Teristimewa buat ayahanda dan bonda serta keluarga yang sentiasa bersama dalam kesabaran semasa saya menempuh pengajian di Universiti Pertanian Malaysia selama tujuh tahun. Semoga Allah memberkati usaha hambanya.

SALLAHUDIN B. YUSOF
Bacelor Sains Perikanan (Akuakultur)
1993-1997

ABSTRAK

Satu kajian telah dijalankan di empat buah tukun (unjam) di perairan Kuala Terengganu untuk mengetahui dan menentukan kesesuaian serta potensi sebagai tempat perikanan rekreasi semenjak Ogos 1996. Disetiap tapak tukun ini terdapat banyak spesies untuk pancingan seperti Kunyit-kunyit (*Lutjanus-lutjanus*), Tanda (*Lutjanus kasmiya*), Remong (*Lutjanus coeruleolinatus*), Kerisi (*Nemipterus peronii*), Selar (*Atule mate*) dan Cupak (*Caranx sexfasciatus*). Kadar Tangkapan Per Unit Masa (CPUE) bagi famili ini adalah cukup tinggi iaitu dalam lingkungan 5.2 ekor/jam. Selain dari famili diatas, spesies yang lebih tinggi nilai komersial dari famili Haemulidae seperti Kaci (*Diagramma pictum*) dan Gerut-gerut (*Pomadasys argenteus*) juga dapat ditangkap. Spesies ini adalah baik untuk pemancingan rekreasi. Keputusan kajian CPUE menunjukkan tapak unjam Kuala Ibai dan Telipot Laut 2 adalah begitu tinggi dimana kadar kejayaan memancingnya ialah kira-kira 3.3 kg/jam. Walaubagaimanapun spesies untuk pemancingan rekreasi khususnya untuk pemancing berpengalaman yang didapati seperti Tenggiri, Senangin, Kerapu dan Siakap adalah sedikit sahaja. Keputusan yang didapati dari tinjauan soalselidik menunjukkan 80% responden gemar memancing dan melibatkan diri dalam aktiviti pemancingan rekreasi. Tinjauan soalselidik mendapati kerajaan atau pihak swasta tidak menyediakan kemudahan untuk menyokong dan membangunkan aktiviti perikanan rekreasi.

ABSTRACT

A Study was conducted at artificial reef in Kuala Terengganu water to determine its recreational fisheries potential since August 1996. It was found that there were various kind of fish for recreational fishing such as Kunyit-kunyit (*Lutjanus-lutjanus*), Tanda (*Lutjanus kasmiya*), Remong (*Lutjanus coeruleolinatus*), Kerisi (*Nemipterus peronii*), Selar (*Atule mate*) and Cupak (*Caranx sexfasciatus*). The Catch Per Unit Effort (CPUE) of this family is very high, its about 5.2 fish/hours. Another family of high value was caught is Haemulidae like Kaci (*Diagramma pictum*) and Gerut-gerut (*Pomadasys argentus*). This species is good for recreational fishing. Result of the CPUE studies indicated that Kuala Ibai and Telipot Laut 2 reefs was very high. The success rate is about 3.3 kg/hour and its shows good success rate for fishing. However the species for recreational fishing especially for expert anglers such as Tenggiri, Senangin, Kerapu and Siakap was very scanty. The result from survey shows that 80% respondent like to fish and support for recreational fishing. However the government or private sector did not provide recreational facilities or support the fishing activity.